NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 78 No. 38	**18hb September 2025**	*TAMBAHAN No. 23* *PERUNDANGAN*

Pk. P.U. 39.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PEMUNGUTAN, PEMBUANGAN DAN PELUPUSAN SAMPAH (MAJLIS DAERAH KERIAN) 2025

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Undang-undang kecil

1. Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II
LARANGAN MEMBUANG SAMPAH

3. Larangan membuang sampah
4. Meletakkan sampah di tempat awam
5. Tong sampah
6. Pembuangan sampah isi rumah

Undang-undang kecil

7. Sampah di bangunan berbilang tingkat
8. Sampah kebun atau sampah taman
9. Sampah kelengkapan rumah
10. Cecair buangan
11. Pembuangan sampah industri, sampah perdagangan atau sampah institusi
12. Pembuangan sampah komersial
13. Kawasan pelupusan sampah
14. Larangan mengganggu isi kandungan tong sampah atau longgokan sampah
15. Larangan membakar sampah
16. Larangan membuang arang batu, bakar letupan, dsb.
17. Pembuangan sampah bagi kawasan kampung
18. Kadar fi kutipan sampah perdagangan atau sampah komersial

BAHAGIAN III
PENGUATKUASAAN

19. Kuasa menangkap
20. Kuasa menggeledah atau mengalih

BAHAGIAN IV
AM

21. Penalti am
22. Pendakwaan
23. Pengkompaunan kesalahan
24. Bayaran
25. Kuasa pegawai polis
26. Pembatalan dan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PEMUNGUTAN, PEMBUANGAN DAN PELUPUSAN SAMPAH (MAJLIS DAERAH KERIAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 72, 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Daerah Kerian membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah (Majlis Daerah Kerian) 2025**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Kerian.

(3) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh penyiarannya dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Majlis" ertinya Majlis Daerah Kerian;

"pegawai diberi kuasa" ertinya mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

"sampah" ertinya sampah binaan, sampah industri, sampah institusi, sampah isi rumah, sampah kebun, sampah taman, sampah kelengkapan rumah, sampah komersial, sampah perdagangan termasuklah—

(a) apa-apa bahan sekerap atau benda lebihan lain yang tidak dikehendaki atau keluaran yang ditolak yang timbul daripada penggunaan apa-apa proses;

(b) apa-apa benda yang dikehendaki dilupuskan kerana sudah pecah, lusuh, tercemar atau selainnya rosak; atau

(c) apa-apa bahan lain yang mengikut undang-undang kecil ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain dikehendaki oleh pihak berkuasa supaya dilupuskan,

tetapi tidak termasuk buangan terjadual sebagaimana yang diperihalkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*], kumbahan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*] atau sisa radioaktif sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 [*Akta 304*];

"sampah binaan" ertinya apa-apa sampah yang dihasilkan daripada aktiviti pembinaan, perobohan, pembaikan rumah atau bangunan atau projek dan termasuklah apa-apa batu, kayu, pasir, tanah, simen, atap, zink atau bahan binaan lain;

"sampah industri" ertinya apa-apa sampah yang dihasilkan daripada apa-apa aktiviti perindustrian;

"sampah institusi" ertinya apa-apa sampah yang dihasilkan oleh mana-mana institusi, pejabat, kantin atau kafeteria mana-mana insititusi pendidikan, mana-mana kemudahan jagaan kesihatan termasuklah hospital, klinik dan pusat kesihatan, tempat ibadat, jabatan kerajaan, pihak berkuasa tempatan atan badan berkanun;

"sampah isi rumah" ertinya apa-apa bahan buangan yang dihasilkan oleh sesuatu isi rumah tetapi tidak termasuk sampah taman, sampah kebun dan sampah binaan;

"sampah kebun" atau "sampah taman" termasuklah daun, jejalar rumput, pokok, dahan atau tanah dari taman, kebun, ladang atau perkarangan sesuatu rumah atau bangunan atau jika tidak ada rumah atau bangunan, dari mana-mana tanah;

"sampah kelengkapan rumah" ertinya apa-apa buangan perabot, buangan kelengkapan elektrik, besi buruk atau apa-apa barang kelengkapan rumah lain;

"sampah komersial" ertinya apa-apa bahan buangan yang dihasilkan oleh apa-apa aktiviti komersial termasuk sisa buangan restoran dan sisa buangan pasar raya;

"sampah perdagangan" ertinya apa-apa bahan buangan yang dihasilkan daripada apa-apa aktiviti perdagangan;

"Setiausaha" ertinya Setiausaha Majlis Daerah Kerian;

"tempat awam" mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] dan termasuklah setiap lebuh, jalan, jambatan, jalan kecil, lorong, taman awam yang dikenakan bayaran untuk masuk atau tidak, atau orang awam yang mempunyai akses pada bila-bila masa; dan

"Yang Dipertua" ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian.

Bahagian II
larangan membuang sampah

Larangan membuang sampah

3. Tiada seorang pun boleh membuang, melonggokkan, mengasingkan, menstorkan, menyimpan, mengolah atau melupuskan atau menyebabkan atau

membenarkan supaya dibuang, dilonggokkan, diasingkan, distorkan, disimpan, diolah atau dilupuskan apa-apa sampah di mana-mana tempat awam atau mana-mana tempat selain yang ditetapkan oleh Majlis sebagai tempat pelupusan sampah.

Meletakkan sampah di tempat awam

4. Tiada sampah, kotoran atau seumpamanya boleh diletakkan atau dilonggokkan di mana-mana tempat awam kecuali dengan cara yang ditetapkan oleh Majlis.

Tong sampah

5. (1) Tuan punya atau penghuni tiap-tiap rumah, bangunan, perniagaan, perindustrian atau perdagangan hendaklah mempunyai tong sampah yang bertutup dan hendaklah diselenggara dalam keadaan baik.

(2) Tuan punya atau penghuni tiap-tiap rumah, bangunan, perniagaan, perindustrian atau perdagangan hendaklah menyediakan tong sampah individu yang mencukupi dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama.

(3) Mana-mana tuan punya atau penghuni tiap-tiap rumah, bangunan, perniagaan, perindustrian atau perdagangan gagal menyediakan tong sampah adalah melakukan suatu kesalahan.

Pembuangan sampah isi rumah

6. (1) Semua sampah isi rumah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik dan diikat sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah.

(2) Apa-apa kaca pecah, tin dan benda yang tajam hendaklah dibungkus dan dimasukkan ke dalam bekas guna habis yang berasingan dan diletakkan bersebelahan tong sampah untuk dipungut oleh Majlis.

(3) Tong sampah hendaklah diletakkan di sebelah luar pagar, di lorong belakang rumah atau di mana-mana tempat lain yang ditetapkan oleh Majlis untuk memudahkan pemungutan sampah.

(4) Semua tong sampah hendaklah diletakkan di dalam kaki tong sampah, kebuk sampah atau seumpamanya yang diluluskan oleh Majlis.

Sampah di bangunan berbilang tingkat

7. (1) Bagi suatu bangunan hakmilik strata, perbadanan pengurusan bangunan hendaklah menyediakan dan mengadakan tong sampah yang mana hendaklah diletakkan dalam rumah sampah atau kebuk sampah.

(2) Tong sampah itu hendaklah dari saiz dan jumlah yang cukup untuk memadankan dengan jumlah penduduk atau pemilik di dalam kawasan pembangunan hakmilik strata tersebut.

(3) Perbadanan pengurusan bangunan, badan pengurusan bersama serta penduduk atau pemilik hendaklah pada setiap masa menyenggarakan tong sampah dan kawasan persekitaran kebuk sampah atau rumah sampah.

(4) Jika tong sampah, kebuk sampah atau rumah sampah tidak berada dalam keadaan yang baik, Majlis boleh mengarahkan supaya perbadanan pengurusan bangunan, badan pengurusan bersama atau penduduk atau pemilik premis menggantikan atau memperbaiki sebarang kecacatan.

Sampah kebun atau sampah taman

8. (1) Tuan punya atau penghuni boleh memohon kepada Majlis kebenaran untuk memungut sampah kebun atau sampah taman dengan bayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

(2) Sampah kebun atau sampah taman hendaklah—

(a) dibuang oleh tuan punya atau penghuni di kawasan yang ditetapkan oleh Majlis; atau

(b) dipungut oleh Majlis, atas permohonan tuan punya atau penghuni, bagi sampah kebun di dalam saiz kecil dengan memasukkannya ke dalam beg plastik, diikat dan diletakkan dekat dengan tong sampah.

Sampah kelengkapan rumah

9. (1) Sampah kelengkapan rumah hendaklah—

(a) dibuang oleh tuan punya atau penghuni di kawasan yang ditetapkan oleh Majlis; atau

(b) dipungut oleh Majlis, atas permohonan tuan punya atau penghuni dengan bayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

(2) Semua sampah kelengkapan rumah yang ingin dilupuskan perlu diletakkan di sebelah tong sampah di tempat yang ditetapkan oleh Majlis tanpa menyebabkan halangan atau kacau ganggu.

Cecair buangan

10. (1) Tiada seorang pun boleh melepas atau menyebab atau membenar dilepaskan sebarang cecair buangan kecuali pada tempat atau tempat-tempat pelepasan atau tempat-tempat yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Bagi maksud undang-undang kecil ini, "cecair buangan" ertinya cecair atau sisa cecair termasuklah—

(a) sisa cecair buangan yang dihasilkan di mana-mana premis; atau

(b) apa-apa pelepasan dalam bentuk cecair yang dijanakan oleh proses komersial,

tetapi tidak termasuk kumbahan.

Pembuangan sampah industri, sampah perdagangan atau sampah institusi

11. (1) Apa-apa sampah industri atau sampah perdagangan atau sampah institusi hendaklah dilupuskan oleh tuan punya aktiviti perindustrian atau perdagangan atau institusi dengan cara yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Tuan punya aktiviti industri atau perdagangan atau institusi boleh memohon kepada Majlis supaya sampah industri atau sampah perdagangan atau sampah institusi dibuang dan dilupuskan oleh Majlis dengan bayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Pembuangan sampah komersial

12. (1) Apa-apa sampah komersial hendaklah dikumpul, dibuang dan dilupuskan oleh pengusaha aktiviti komersial atau ejen atau mana-mana pihak yang dilantik oleh pengusaha aktiviti komersial.

(2) Pengusaha aktiviti komersial boleh memohon kepada Majlis supaya sampah komersial dibuang dan dilupuskan oleh Majlis dengan bayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Kawasan pelupusan sampah

13. (1) Tiada seorang pun boleh memasuki dan membuang apa-apa sampah dalam kawasan pelupusan sampah kecuali dibenarkan oleh Majlis dengan bayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

(2) Mana-mana orang mengais, menyelongkar atau mengalihkan apa-apa sampah keluar daripada kawasan tempat pembuangan sampah adalah melakukan suatu kesalahan.

(3) Mana-mana orang yang menyediakan, menyenggara atau menguruskan mana-mana tempat dalam kawasan Majlis sebagai suatu kawasan tempat pembuangan sampah tanpa kebenaran Majlis adalah melakukan suatu kesalahan.

Larangan mengganggu isi kandungan tong sampah atau longgokan sampah

14. Mana-mana orang yang mengais, menyelongkar, mengalih apa-apa benda atau menumpahkan atau menyelerakkan isi kandungan mana-mana tong sampah atau longgokan sampah adalah melakukan suatu kesalahan.

Larangan membakar sampah

15. Tiada seorang pun boleh membakar atau menyebabkan pembakaran apa-apa sampah pada masa dan tempat yang tidak munasabah atau di tempat yang mungkin menyebabkan kacau ganggu atau kegusaran kepada mana-mana jiran atau orang ramai.

Larangan membuang arang batu, bahan letupan dsb.

16. Apa-apa sampah binaan, arang batu, bahan mudah terbakar atau bahan letupan tidak boleh dimasukkan ke dalam tong sampah rumah atau tong sampah lain yang disediakan untuk mengisi sampah, tetapi hendaklah dilupuskan mengikut kaedah pembuangan sampah industri.

Pembuangan sampah bagi kawasan kampung

17. Tuan punya atau penghuni mana-mana rumah atau bangunan dalam kawasan kampung hendaklah menyediakan lubang yang mempunyai saiz yang mencukupi untuk mengisi sampah dan hendaklah bertanggungjawab ke atas sampah tersebut sama ada dengan menanam, membakar atau membuat pengasingan kitar semula.

Kadar fi kutipan sampah perdagangan atau sampah komersial

18. Kadar fi bagi perkhidmatan kutipan sampah perdagangan atau sampah komersial adalah ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Bahagian III
PENGUATKUASAAN

Kuasa menangkap

19. (1) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang—

(a) yang semunasabahnya dipercayai olehnya telah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini; atau

(b) yang enggan memberikan nama dan alamatnya apabila diminta atau jika ada sebab untuk meragui ketepatan nama dan alamat yang diberikan.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibawa ke balai polis dan hendaklah dibawa ke hadapan seorang Majistret dalam masa dua puluh empat jam, melainkan jika sebelum dari masa itu nama dan alamatnya yang sebenar telah dapat ditentukan, dan dalam hal yang sedemikian orang itu hendaklah dilepaskan dengan serta-merta apabila dia menyempurnakan suatu bon untuk hadir di hadapan seorang Majistret jika dikehendaki sedemikian.

(3) Apabila mana-mana orang sedemikian dibawa ke hadapan seorang Majistret, Majistret itu boleh sama ada menghendaki dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin, untuk hadir di hadapan seorang Majistret sekiranya dikehendaki, atau boleh memerintahkan supaya dia ditahan dalam jagaan sehingga dia dapat dibicarakan.

Kuasa menggeledah atau mengalih

20. Mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menggeledah atau mengalihkan apa-apa barang atau benda yang menyalahi Undang-Undang Kecil ini dengan risiko ditanggung oleh pemunya.

Bahagian IV
am

Penalti am

21. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan boleh sebagai tambahan didenda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

Pendakwaan

22. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi mana-mana kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Pengkompaunan kesalahan

23. (1) Yang Dipertua, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang atau Penolong Pegawai Undang-Undang Majlis atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh

mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran yang telah dibuat.

(2) Tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh pelanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang Dipertua atau Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang atau Penolong Pegawai Undang-Undang Majlis atau mana-mana pegawai diberi kuasa, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran bertulis itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat.

Bayaran

24. Semua wang yang diterima di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis yang berhubung dengan Kerajaan Tempatan.

Kuasa pegawai polis

25. Tiada apa-apa jua peruntukan dalam Undang-Undang Kecil ini boleh mengurangkan kuasa seseorang pegawai polis untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Pembatalan dan peralihan

26. (1) Undang-Undang Kecil Kebersihan Awam (Majlis Daerah Kerian) 1983 [*Pk.P.U.11/1984*] dibatalkan ("Undang-Undang Kecil yang dibatalkan").

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen, dokumen atau tindakan yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan hendaklah, disifatkan telah dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini, dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

[perenggan 5(2)]

Bil.	Kategori premis	Spesifikasi tong sampah (liter)
1.	Rumah kediaman	85-120
2.	Premis pejabat termasuklah: (i) Institusi; (ii) Jabatan kerajaan; (iii) Pusat kesihatan/hospital; (iv) Pusat jagaan; (v) Tempat ibadat; (vi) Pihak berkuasa tempatan; dan (vii) Badan berkanun	120-240
3.	Kedai runcit, kedai alat tulis dll	120-240
4.	Premis makanan/restoran	240-660
5.	Gerai makanan, pusat penjaja, premis industri	660-1100

JADUAL KEDUA

[undang-undang kecil 18]

Bil.	Saiz/ Kapasiti tong sampah	Perkhidmatan kutipan	Kadar fi bulanan (RM)
1.	Kecil: < 240 liter	3 kali/minggu Harian	10.00 20.00
2.	Sederhana: > 240 liter	3 kali/minggu Harian	50.00 100.00
3.	Besar: > 1,000 liter	3 kali/minggu Harian	100.00 200.00

JADUAL KETIGA

[perenggan 8(1), subperenggan 9(1)*(b)*, perenggan 11(2),12(2) dan 13(1)]

Bil.	Jenis permohonan	Peruntukan	Kadar fi perkhidmatan kutipan (RM)
1.	Memungut sampah kebun atau sampah taman	perenggan 8(1)	100.00 – 300.00 setiap kutipan
2.	Memungut sampah kelengkapan rumah	subperenggan 9(1)*(b)*	100.00 – 300.00 setiap kutipan
3.	Pembuangan dan pelupusan sampah industri atau sampah perdagangan atau sampah institusi	perenggan 11(2)	100.00 – 500.00 setiap kutipan
4.	Pembuangan dan pelupusan sampah komersial	perenggan 12(2)	100.00 – 500.00 setiap kutipan
5.	Kebenaran memasuki dan membuang sampah dalam kawasan pelupusan sampah	perenggan 13(1)	i. 50.00 Tidak melebihi 1 tan sampah ii. 20.00 Bagi setiap 1 tan sampah berikutnya

Dibuat 13 Ogos 2025
[M.D.KERIAN.UND 07-04-2016; PU.Pk. 36/76 JLD IV]

HELMI BIN YUSOF @ JUSOH
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kerian
Perak Darul Ridzuan

Disahkan 13 Ogos 2025
[PU.Pk. 36/76 JLD IV]

MOHD IKRAM BIN AHMAD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan